



## KENYATAAN MEDIA

### MPS ANJUR EKSPLORASI BERJALAN KAKI PROMOSI BANDAR WARISAN BATU ARANG

Penyertaan kini dibuka untuk Program Geopark Explorace pada 14 Disember 2024 bertempat di Padang Batu Arang, Gombak sempena mempromosikan Bandar Warisan Batu Arang sebagai salah satu lokasi Gombak-Hulu Langat Geopark.

Program berbentuk eksplorasi dan jelajah ini merupakan anjuran tahunan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) untuk mempromosikan kawasan pelancongan di perbandaran Selayang.

Bagi edisi kali ini, konsep sedikit berbeza di mana hanya memfokuskan Bandar Warisan Batu Arang sahaja dengan kaedah eksplorasi secara berjalan kaki. Justeru program ini bukan sahaja bertujuan mempromosikan Pekan Batu Arang malahan sebagai usaha MPS memperkasa amalan gaya hidup sihat.

Untuk makluman, setiap pasukan akan dikenakan yuran pendaftaran sebanyak RM200 dan terbuka kepada 50 pasukan terawal. Pasukan yang memenangi eksplorasi ini bakal membawa pulang RM2000 bagi Johan, RM1500 bagi naib johan, dan RM1000 di tempat ketiga. Permohonan dan syarat-syarat penyertaan bagi program ini boleh didapati dengan mengimbas kod QR di poster atau melalui pautan <https://shorturl.at/uGnPI>.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Jabatan Pembangunan Masyarakat MPS di talian 011-62222374.

**#TAMAT#**

**Dikeluarkan oleh :**

Bahagian Perhubungan Awam  
Jabatan Korporat

b.p. **Yang Dipertua**  
Majlis Perbandaran Selayang

**Tarikh dikeluarkan : 8 November 2024**